

Melatih pemimpin berjiwa, bukan sekadar 'kilang siswazah'

• Jika trend pendidikan memberi tumpuan sepenuhnya kepada akademik ini berterusan, negara bakal berdepan dengan lambakan siswazah mempunyai gred cemerlang, tetapi 'tiada jiwa'

• Melalui Rancangan Pendidikan Tinggi Malaysia (RPTM) 2026-2035, nama negara akan harum sebagai tempat lahirnya pemimpin yang bukan sekadar bijak berstrategi, tetapi punya nurani murni



Oleh Prof Dr Ram Al Jaffri Saad
bhrencana@bh.com.my

Timbalan Naib
Canselor
(Penyelidikan dan
Inovasi),
Universiti Utara
Malaysia (UUM)

Dunia hari ini tidak lagi hanya bercakap soal keuntungan semata-mata. Dunia sedang beralih ke era yang nilai integriti, kelestarian dan kebajikan manusia menjadi aset lebih berharga daripada wang ringgit.

Namun persoalannya, adakah universiti kita terutama dalam bidang pengurusan sudah bersedia melahirkan pemimpin sebenar? Pemimpin mahir mengemudi perjalanan sebuah organisasi dan peduli akan nasib ahli organisasi dan masyarakat sekelilingnya.

Dalam konteks ini, timbul pelbagai isu dan cabaran harus dihadapi. Antara isu utamanya ialah tekanan universiti untuk menjadi 'kilang siswazah'.

Institusi sering terperangkap antara keperluan mengekalkan kualiti akademik yang tinggi dengan desakan komersial untuk menarik seramai mungkin pelajar. Akibatnya, ada kala kualiti penyeliaan dan ketegasan penilaian dikompromi demi memastikan kadar kelulusan tinggi.

Sebagai ahli akademik, penulis melihat ada universiti sangat komited menjaga piawai atau standard akademik yang tinggi. Sebagai contoh, Universiti Utara Malaysia (UUM) mendapat akreditasi antarabangsa hebat di dunia seperti The Association to Advance Collegiate Schools of Business (AACSB) dan Association of MBAs (AMBA).

Sebagai universiti pengurusan terkemuka negara, pengiktirafan oleh badan akreditasi antarabangsa ini membuktikan setiap sukatan pelajaran dan kaedah penilaian diamalkan selari dengan standard global.

Namun secara umum, pendidikan pengurusan kita masih terlalu teknikal. Kita mengajar pelajar cara mengira pulangan atas pelaburan atau pulangan pelaburan (ROI), tetapi kita jarang mengajar mereka cara menilai impak sosial daripada setiap keputusan perniagaan dibuat.

Kebimbangan penulis ini bukanlah sekadar luahan kosong atau sentimen peribadi penulis. Jika diteliti Rancangan Pendidikan Tinggi Malaysia (RPTM) 2026-2035, aspirasi negara sangat

jelas. Negara mahu lahirkan siswazah holistik, bukan sekadar hanya menghafal formula kewangan.

Malah, badan akreditasi antarabangsa seperti AACSB juga sudah mula mengetatkan syarat akreditasi mereka. AACSB menghendaki untuk sesebuah sekolah perniagaan tidak hanya memberi tumpuan kepada kecemerlangan akademik semata-mata tanpa membuktikan impak sosial kepada masyarakat.

Bagi penulis, kebolehan mengira ROI itu hanyalah kemahiran asas perniagaan boleh dipelajari sesiapa sahaja. Namun, seni kepemimpinan masa depan sebenar terletak pada kemampuan seorang pemimpin untuk menimbang tara setiap keputusan.

Jika trend pendidikan memberi tumpuan sepenuhnya kepada akademik ini berterusan, negara bakal berdepan dengan lambakan siswazah mempunyai gred cemerlang, tetapi 'tiada jiwa'.

Apabila kompas moral tidak lagi selari dengan kebijaksanaan akal, kita sebenarnya sedang membuka ruang kepada virus rasuah dan salah laku korporat yang serius. Ini berpunca pemimpin masa depan yang dilahirkan hanya diajar mengejar keuntungan angka, sehingga buta terhadap tanggungjawab amanah lebih besar.

Akhirnya, siswazah kita mungkin jaguh di dewan peperiksaan, namun mereka akan terkapar-kapar apabila dipukul badai ketidakpastian dunia. Ini kerana siswazah kita hanya bertindak mengikut skrip buku teks tanpa punya rasa kemanusiaan untuk mencari penyelesaian yang adil lagi bijaksana.

Acuan kepemimpinan manusiawi
Bayangkan jika Malaysia beralih kepada model pendidikan pengurusan lebih holistik. Kita bukan sahaja mampu menjadi hab pendidikan

“Pendidikan pengurusan bukan sekadar melahirkan pengurus perniagaan, tetapi membentuk arkitek masa depan negara”

bertaraf dunia, malah bakal dikenali unik dengan acuan kepemimpinan manusiawi.

Melalui RPTM 2026-2035, nama negara akan harum sebagai tempat lahirnya pemimpin yang bukan sekadar bijak berstrategi, tetapi punya nurani yang murni.

Siswazah kita pastinya akan menjadi rebutan syarikat gergasi global yang kini dahagakan bakat berteraskan nilai kelestarian seperti amalan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG). Dari situ, lahirilah usahawan kelas pertama yang bukan sahaja gigih membina empayar perniagaan, malah cukup peduli untuk menyuburkan kembali komuniti di sekeliling mereka.

Justeru, penulis ingin mengutarakan beberapa cadangan berkaitan perkara ini. Pertama, masa depan pendidikan kita tidak boleh diserahkan bulat-bulat kepada kecanggihan teknologi digital semata-mata.

Penulis menyarankan institusi pendidikan segera mengembalikan roh manusiawi dalam kepimpinan dengan meletakkan elemen falsafah dan etika sebagai teras dalam setiap modul.

Langkah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) mewajibkan Mata Pelajaran Umum (MPU) di institut pengajian tinggi (IPT) adalah sangat tepat dalam hal ini. Inisiatif strategik ini sangat dialu-alukan kerana ia memastikan siswazah bukan sahaja cemerlang secara teknikal, malah memiliki jati diri yang teguh, holistik dan patriotik.

Selain itu, kualiti penyeliaan tidak boleh dikompromi. IPT perlu memastikan nisbah penyarah dan pelajar ideal agar proses bimbingan, terutama bagi peringkat pascasiswazah, benar-benar mendalam dan berkualiti.

Akhir sekali, kurikulum tidak boleh lagi bersifat statik. Kita perlu menghidupkan kolaborasi bersama alumni dan industri untuk membentuk modul yang berpijak di bumi nyata dan relevan dengan gelora pasaran hari ini.

Kesimpulannya, pendidikan pengurusan bukan sekadar melahirkan pengurus perniagaan, tetapi membentuk arkitek masa depan negara. Sudah sampai masanya kita berhenti melihat pendidikan sebagai produk perniagaan semata-mata dan kembali melihatnya sebagai satu amanah untuk memanusiakan pemimpin masa depan.

